



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

BEKALAN BERAS PUTIH MENCUKUPI DAN STABIL PADA HARGA BERPATUTAN

PUTRAJAYA, 30 OGOS 2025 – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan melaksanakan langkah-langkah yang sewajarnya bagi memastikan kestabilan bekalan dan harga beras dalam jangka panjang selaras dengan komitmen Kerajaan MADANI dalam memastikan makanan ruji negara kekal mampu milik, mudah diperolehi serta sentiasa terjamin dan mencukupi.

KPKM ingin mengumumkan bahawa Program Khas Beras Putih Tempatan (BPT) Bersubsidi Tahun 2025 di pasaran Semenanjung Malaysia yang mula dilaksanakan pada 1 Mac 2025 akan berakhir pada 31 Ogos 2025.

Program selama enam bulan ini merupakan salah satu usaha Kerajaan MADANI dalam menyasarkan subsidi dengan lebih berkesan, serta merupakan sebahagian daripada program transisi pembekalan beras putih di Malaysia. Berdasarkan tinjauan oleh KPKM terhadap *trend* permintaan sejak program mula dilaksanakan, permintaan terhadap BPT adalah kira-kira sebanyak 18.2 juta kampak (75.8 peratus) daripada sasaran asal sebanyak 24 juta kampak. *Trend* ini menunjukkan bahawa rakyat lebih cenderung kepada beras yang ditawarkan pada harga berpatutan, berbanding semata-mata memilih BPT.

Mengambil kira impak daripada program ini dan penyelarasan harga Beras Putih Import (BPI) RM2,600 per tan metrik di pintu gudang BERNAS yang berkuat kuasa pada 15 Mei 2025, penilaian terperinci akan dijalankan bagi menentukan strategi terbaik dalam pembekalan beras putih di dalam negara termasuk mekanisme bagi menangani amalan pencampuran beras. KPKM juga memberi jaminan bahawa bekalan beras akan terus dipantau bagi memastikan rakyat mendapat akses kepada bekalan yang mencukupi pada harga yang berpatutan.

**Dikeluarkan oleh:
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**